

KDNK suku kedua tetap baik

Oleh Wan Hazmir Bakar **BH** 1 2 JUL 2000

KELUAKAN Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia untuk tempoh April-Jun tahun ini dijangka sekitar sembilan hingga 10 peratus, iaitu lebih rendah berbanding 11.7 peratus yang dicapai pada Januari-Mac, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun pertumbuhan itu lebih rendah berbanding suku pertama, kadar sembilan peratus adalah pencapaian yang baik dan tidak perlu dibimbangkan.

"Ia (KDNK untuk suku kedua tahun ini) akan berada sekitar sembilan dan 10

peratus, lebih rendah daripada suku pertama," katanya selepas melancarkan konvensyen dan pameran Persatuan Keluli Struktur Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga tidak akan mengubah unjuran bagi pertumbuhan untuk keseluruhan tahun ini iaitu sekitar 5.8 peratus.

"Kita masih mengunjurkan pada 5.8 peratus. Sebilangan orang kata ia akan lebih daripada itu tetapi kita amat konservatif dalam unjuran kita," katanya.

Menurut kaji selidik Reu-

“**Walaupun pertumbuhan lebih rendah berbanding suku pertama, kadar sembilan peratus adalah pencapaian baik dan tidak perlu dibimbangkan.**”

— DR MAHATHIR

ters bulan lalu yang membitkan 10 badan penyelidikan, ekonomi negara dijangka berkembang 7.5 peratus tahun ini dan 6.2 peratus tahun lalu.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengkaji semula penetapan nilai ringgit ber-

banding dolar Amerika pada kadar RM3.80, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak akan mengkaji semula penetapan ringgit ke atas dolar AS tetapi akan berbuat demikian (mengkaji semula) jika penetapan itu tidak lagi member-i daya saing

kepada Malaysia.

"Mengapa kita harus bimbang, kita dalam keadaan baik, kita amat selesa, tiada sesiapa yang menderita. Mengapa mahu kita mengkaji semula," katanya.

Ditanya sama ada Belanjawan 2001 adalah belanjawan lebihan, Dr Mahathir berkata ia bergantung kepada keadaan ekonomi pada masa itu.

"Mungkin juga (ia belanjawan lebihan) tetapi ini bergantung kepada bagaimana kerajaan mahu membelanjakannya. Kita fikir kita perlu membelanjakan wang bagi

merangsangkan lagi ekonomi," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir menggesa kontraktor Malaysia meneroka pasaran luar negara kerana pulangan kepada ekonomi negara amat besar serta mampu menjayakan Wawasan 2020.

Katanya, mereka juga harus belajar bersaing dengan syarikat antarabangsa dalam pasaran yang lebih hebat, bukan kekal selesa dalam keadaan sekarang yang mana kerajaan sentiasa sedia menghulurkan pertolongan.